

Pasar Borong Kuala Lumpur digempur

Penjaja haram warga asing ditahan dalam operasi bersepadu JIM

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Tindakan beberapa penjaja warga asing yang cuba melarikan diri gagal apabila dicekup oleh anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam operasi bersepadu di Pasar Borong Kuala Lumpur di sini pada Selasa.

Pengarah JIM Kuala Lumpur, Wan Mohamed Saupee Wan Yusoff berkata, seramai 50 individu diperiksa dalam Operasi KL Strike Force yang bermula dari jam 11.13 pagi hingga 12.20 tengah hari itu.

"Hasil pemeriksaan, lima lelaki warga Bangladesh dan seorang lelaki warga Myanmar berusia lingkungan 21 hingga 50 tahun ditahan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Wan Mohamed Saupee berkata, tiga warga asing yang ditahan didapati melakukan kesalahan tinggal lebih masa di negara ini.



Penjaja warga asing yang diperiksa dalam operasi di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Selasa.

"Tiga lagi ditahan kerana tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri atau pasport yang sah," ujarnya.

Menurutnya, operasi berkenaan melibatkan seramai 19 anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan JIM Kuala Lumpur.

"Operasi itu dilaksanakan susulan aduan awam dan rakaman yang tu-

lar di media sosial," katanya.

Jelas beliau, DBKL turut menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan menyita 15 barangan perniagaan milik penjaja warga asing yang beroperasi tanpa lesen.

"Tindakan dilaksanakan mengikut UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016," tegasnya.